

## ANGGAPAN KEMATIAN *AL-MAFQUD* MENURUT UNDANG-UNDANG SIVIL DAN SYARIAH: SATU PENILAIAN SEMASA

*(Al-Mafqud According to Civil and Syariah Laws: A Current Appraisal)*

Mohamed Hadi bin Abd Hamid  
mhadi.ah @etiqua.com.my

Divisyen Syariah, Aras 11B, Etiqua Takaful Berhad,  
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel.: +603-2785 5643

### Abstrak

Status *al-mafqud* penting untuk masyarakat Islam dan bukan Islam kerana proses pembahagian harta *al-mafqud* akan menjadi sukar sekiranya tidak diketahui sama ada *al-mafqud* itu masih hidup atau pun sudah mati. Oleh itu, anggapan kematian perlu dilakukan oleh mahkamah supaya status *al-mafqud* dapat diputuskan dengan muktamad. Tujuan makalah ini adalah untuk membuat perbandingan antara anggapan kematian menurut undang-undang sivil dengan syariah di Malaysia, serta penilaian semasa terhadap anggapan kematian seperti yang diamalkan di mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Didapati terdapat ketidakseragaman pada peruntukan undang-undang dalam tempoh membentuk anggapan kematian *al-mafqud* di mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Berdasarkan kes mahkamah, waris *al-mafqud* yang beragama Islam mempunyai pilihan untuk ke mahkamah sivil atau mahkamah syariah bagi mendapatkan pengisytiharan anggapan kematian *al-mafqud*.

Kata kunci: *al-mafqud*, orang hilang, anggapan kematian, mahkamah sivil, mahkamah syariah

### Abstract

*Deciding whether a person is mafqud (missing and presumed dead) is very important to Muslims and non-Muslims as the process of distribution of the deceased's estate will be difficult if it is unknown whether the person is still alive or dead. Accordingly, a person must be pronounced mafqud (presumed*

*dead) by the court. It is the aim of this article to draw a comparison between the presumption of death from the perspective of civil and Syariah law in Malaysia. In addition, the article attempts to evaluate the current practice of both the civil and Syariah courts in dealing with the presumption of death. It appears there are variations in the period required for the establishment of the presumption of death in the civil and Syariah courts. Based on decided cases, Muslim heirs of al-mafqud have the option to apply to civil court or Syariah court to obtain a declaration of presumption of death.*

*Keyword: Mafqud, missing person, presumption of death, civil court, Syariah court*

## PENGENALAN

*Al-mafqud* merujuk seseorang yang hilang daripada tempat asalnya dalam tempoh yang lama sehingga terputus berita mengenainya dan tidak diketahui sama ada dia masih hidup ataupun sudah meninggal dunia. Dari segi undang-undang, *al-mafqud* sering dibincangkan dalam tajuk pembahagian harta pusaka, sama ada undang-undang sivil mahu pun undang-undang Syariah. Sebagai contoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom pernah membangkitkan keperluan mengenal pasti pendekatan terbaik untuk mengendalikan harta *al-mafqud* yang dianggarkan bernilai berbilion-bilion ringgit tetapi pembahagian harta *al-mafqud* kepada ahli waris atau Baitulmal tidak diuruskan secara efektif kerana status pemilik harta yang tidak diketahui keadaannya.<sup>1</sup> Isu *al-mafqud* begitu signifikan kerana timbul persoalan, iaitu bagaimana untuk membahagikan harta *al-mafqud* kepada warisnya sedangkan waris tidak mengetahui sama ada *al-mafqud* masih lagi hidup ataupun telah mati. Dalam kebanyakan situasi juga, *al-mafqud* merupakan waris si mati dan hak pewarisan *al-mafqud* perlu ditentukan sewaktu pembahagian harta pusaka si mati. Dengan ketiadaan *al-mafqud* selaku waris, adalah sulit untuk wasi<sup>2</sup> membahagikan harta pusaka si mati tanpa mengetahui sama ada *al-mafqud* masih hidup atau pun tidak. Misalnya jika *al-mafqud* itu anak lelaki tunggal si mati, sudah tentu wasi sukar untuk membahagikan harta pusaka si mati. Jika *al-mafqud* masih hidup maka mudah untuk menetapkan bahagian pusaka *al-mafqud* tetapi jika *al-mafqud* sudah tiada sudah tentu bahagian *al-mafqud* akan jatuh ke tangan waris yang lain pula. Oleh sebab hidup atau matinya *al-mafqud* masih menjadi misteri, maka adalah sukar untuk menyelesaikan pembahagian harta pusaka secepat mungkin sebagaimana yang dituntut

1 [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130115/dn\\_17/JKSM-halusi-kaedah-kendali-harta-al-Mafqud](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130115/dn_17/JKSM-halusi-kaedah-kendali-harta-al-Mafqud). Capaian pada 25 Februari 2014.

2 Wasi ialah orang yang diberi kuasa untuk menguruskan harta pusaka si mati. Lihat *Kamus Undang-Undang*, 1995. Oxford Fajar Sdn Bhd, Shah Alam, hlm. 215

oleh hukum syarak. Dari sudut hubungan suami isteri pula, adalah sukar bagi isteri *al-mafqud* untuk berkahwin lain sekiranya tiada kepastian sama ada *al-mafqud* itu masih lagi hidup atau pun sudah mati.

Berdasarkan laporan terkini, nilai harta tidak dituntut merangkumi harta *al-mafqud* sudah mencecah RM66.6 bilion.<sup>3</sup> Menurut Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Tan Sri Ibrahim Lembut, jumlah harta yang tidak dituntut jika dibiarkan begitu sahaja bukan sekadar merugikan pewaris, malah menjadi sia-sia tanpa digunakan untuk kebaikan. Untuk tujuan memanfaatkan sepenuhnya harta yang tidak dituntut ini, projek *al-mafqud* sedang diusahakan oleh JKSM untuk mengesan waris pemilik harta yang tidak dituntut dengan bantuan institusi kewangan yang berkaitan. Walaupun jumlah spesifik harta *al-mafqud* tidak diperincikan, namun melihat keseluruhan nilai harta tidak dituntut sebanyak RM66.6 bilion sudah cukup menggambarkan betapa besarnya manfaat yang boleh dijana daripada harta yang tidak dituntut ini. Sudah tentulah nilai yang sebegitu besar ini jika tidak dimanfaatkan sepenuhnya akan merugikan ummah secara keseluruhannya.

Berdasarkan latar belakang ini, sememangnya satu piawaian umum diperlukan untuk menetapkan bahawa *al-mafqud* perlu dianggap mati di sisi undang-undang kerana selagi *al-mafqud* itu masih hidup, hartanya tidak dapat dibahagikan kepada warisnya walaupun setelah berpuluh-puluh tahun *al-mafqud* hilang. Isteri *al-mafqud* juga dinafikan hak sebagai isteri kerana kehilangan *al-mafqud* menyebabkan isterinya tidak memperoleh hak yang sepatutnya diterima sebagai seorang isteri dari segi nafkah, layanan dan sebagainya daripada seorang suami. Sekiranya telah sabit bahawa *al-mafqud* itu telah meninggal dunia, maka bolehlah isterinya berkahwin lain tanpa perlu hidup dalam ketidakpastian mengenai kedudukan rumahtangganya dengan *al-mafqud*.

Di Malaysia, terdapat dua undang-undang berasingan yang menyentuh soal anggapan kematian (*presumption of death*) bagi *al-mafqud*. Perbezaan ketara antara kedua-dua peruntukan undang-undang tersebut ialah tempoh masa yang diperlukan bagi membentuk anggapan bahawa *al-mafqud* itu telah pun meninggal dunia. Undang-undang sivil meletakkan tujuh tahun manakala undang-undang Syariah menetapkan empat tahun sebagai tempoh yang perlu untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*.

## DEFINISI

Dari segi bahasa, *al-mafqud* bermaksud orang yang hilang. Dari segi istilah pula, *al-mafqud* boleh ditakrifkan sebagai orang yang hilang dari tempat asalnya dalam tempoh yang lama sehingga terputus berita mengenainya

3 “RM66 bilion tidak dituntut” dlm. *Utusan Malaysia*, 11 September 2013, hlm. 15.

dan tidak diketahui juga sama ada dia masih hidup ataupun telah meninggal dunia.<sup>4</sup> Dapat difahami melalui takrif tersebut bahawa elemen utama untuk mengenal pasti *al-mafqud* ialah terputusnya khabar berita mengenainya kerana dengan ketiadaan khabar berita mengenai *al-mafqud*, waris dan saudara-mara tidak dapat mengetahui sama ada *al-mafqud* masih hidup atau pun sudah meninggal dunia.

## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SIVIL

Secara asasnya, kedudukan *al-mafqud* diperuntukkan di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950 (Akta 56). Seksyen 108 Akta 56 memperuntukkan yang berikut:

Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama tujuh tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

Dalam kes *In Re Application of Tay Soon Pang; Ex P5*, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mohd Zawawi Salleh menegaskan berdasarkan seksyen 108 Akta 56, terdapat dua syarat penting untuk membentuk anggapan kematian. Pertama, hendaklah tiada apa-apa khabar yang telah didengar mengenai *al-mafqud* selama tujuh tahun dan kedua, ketiadaan khabar itu mestilah dialami oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup.

Secara ringkasnya, undang-undang sivil menetapkan bahawa waris atau rakan taulan *al-mafqud* (orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup) memerlukan tempoh tujuh tahun untuk membentuk anggapan bahawa *al-mafqud* telah pun mati. Sekiranya tempoh tujuh tahun sudah berlalu, *al-mafqud* boleh dianggap mati setelah permohonan anggapan kematian disahkan oleh mahkamah dan beban untuk membuktikan bahawa *al-mafqud* masih hidup berpindah kepada orang yang ingin menegaskan fakta yang *al-mafqud* masih hidup.

## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SYARIAH

Secara umumnya, peruntukan seksyen 108 Akta 56 turut diguna pakai oleh enakmen atau akta negeri-negeri bahkan struktur ayat yang digunakan juga

4 Mustaffa al-Khan *et al.* 2005. *Al-Fiqh al-Manhaji*. Jilid 2. Damsyik: Percetakan Darul Qalam, hlm. 331, dirujuk dan diterima pakai oleh Yang Arif Hakim Ismail Yahya dalam kes *In the Matter of the Presumption of Death of Talib Saari; ex p Kelthom Mohd Amin* [2010] 1 *CLJ* (Sya) 493

5 [2009] 9 *CLJ* 778

adalah sama. Misalnya, seksyen 806 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) memperuntukkan yang berikut:

Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

Peruntukan ini diperkukuh dengan seksyen 53(1), Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) yang menyebut bahawa:

... jika suami mana-mana perempuan telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan suatu perakuan menganggap kematian suami itu. Seterusnya, Mahkamah Syariah boleh di atas permohonan isteri itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh.

Kuasa mahkamah syariah untuk mengisytiharkan anggapan kematian di bawah seksyen 53(1) Akta 303 terpakai khusus untuk kes “bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula” sahaja. Jika pengisytiharan anggapan kematian dibuat oleh mahkamah sivil maka pengisytiharan tersebut tidak boleh diguna pakai untuk tujuan perempuan itu berkahwin semula.<sup>7</sup>

Sekali imbas, dapat difahami bahawa yang membezakan antara peruntukan undang-undang sivil dan undang-undang Syariah hanyalah tempoh yang perlu ditunggu oleh waris untuk membentuk anggapan bahawa *al-mafqud* telah pun mati. Menurut undang-undang sivil, waris perlu menunggu tujuh tahun manakala menurut undang-undang syariah, empat tahun<sup>8</sup> diperlukan untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*.

6 Lihat seksyen 82, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, seksyen 80, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Johor) 2001, seksyen 80, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002, seksyen 80, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989, seksyen 80, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 sebagai contoh

7 Wan Noraini Mohd Salim, 2012. *Islamic Law of Succession: A Practical Guide to the Laws of Faraid*. Ampang: The Malaysian Current Law Journal Sdn Bhd, hlm. 13

8 Kesemua Enakmen-Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri menerima pakai tempoh empat tahun ini.

Selain isu tempoh tersebut, aplikasi serta beban pembuktian yang dituntut oleh undang-undang sivil dan undang-undang syariah adalah sama.

## TUJUH TAHUN ATAU EMPAT TAHUN?

Tidak dapat dikenal pasti mengapa undang-undang sivil melalui Akta 56 menetapkan tempoh tujuh tahun untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*. Berkemungkinan besar tempoh tujuh tahun diambil kerana tempoh ini dianggap bersesuaian menurut pandangan penggubal undang-undang pada waktu itu.<sup>9</sup>

Dari segi undang-undang syariah pula, tempoh empat tahun diambil berdasarkan pandangan fuqaha terdahulu tatkala mereka membincangkan mengenai status *al-mafqud*. Misalnya, Imam Malik dan Imam Ahmad menetapkan bahawa seseorang hakim boleh memisahkan seorang isteri daripada suaminya yang *al-mafqud* sekiranya suami itu hilang tanpa khabar berita setelah empat tahun.<sup>10</sup> Hal ini berdasarkan keputusan yang dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab yang memutuskan sedemikian apabila timbul kes suami hilang pada zaman pemerintahannya.

Terdapat juga fuqaha yang mengukur tempoh yang diperlukan bagi membentuk anggapan kematian *al-mafqud* berdasarkan andaian jangka hidup seseorang manusia. Misalnya, Imam Abu Hanifah berpandangan bahawa jangka hidup manusia di zamannya boleh mencecah usia 120 tahun.<sup>11</sup> Oleh itu, jika *al-mafqud* itu hilang ketika usinya berumur 40 tahun, waris perlu menunggu 80 tahun lagi untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*. Wahbah al-Zuhaili pula berpendapat bahawa jangka hidup manusia yang munasabah kini ialah 90 tahun.<sup>12</sup> Jangka masa ini juga mungkin satu tempoh yang terlalu lama dan tidak praktikal untuk dilaksanakan terutamanya dalam soal pembahagian harta pusaka *al-mafqud* yang perlu disegerakan.

Dalam kes *Re Ex Parte Application of Ridzwan Ibrahim (Presumption of Death)*<sup>13</sup> ('Ridzwan Ibrahim'), Yang Arif Hakim Heliliah Mohd Yusof telah membuat satu tinjauan akademik mengenai perbezaan tempoh untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*. Beliau merujuk buku teks *Law of Evidence* oleh Sir John Woodroffe dan Syed Amir Ali, edisi ke-16 yang diperturunkan semula seperti terjemahan yang berikut<sup>14</sup>:

<sup>9</sup> Akta 56 digubal dengan menjadikan Akta Keterangan India 1872 sebagai model rujukan. Seksyen 108, Akta Keterangan India 1872 juga menerima pakai tempoh tujuh tahun ini

<sup>10</sup> Wahbah al-Zuhaili, 1996. *Fiqh & Perundangan Islam*. Jilid 5. Diterjemah oleh Ahmad Shahbari Salamon *et. al.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 769

<sup>11</sup> Wahbah al-Zuhaili, 1996. *Fiqh & Perundangan Islam*. Jilid 5. Diterjemah oleh Ahmad Shahbari Salamon *et. al.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 770

<sup>12</sup> Wahbah al-Zuhaili, 1996. *Fiqh & Perundangan Islam*. Jilid 5. Diterjemah oleh Ahmad Shahbari Salamon *et. al.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 770

<sup>13</sup> [2002] 4 *CLJ* 502

<sup>14</sup> [2002] 4 *CLJ* 516

Seksyen 107 dan 108 menetapkan undang-undang seragam terhadap penganut agama Hindu, Islam dan lain-lain. Berdasarkan undang-undang Hindu, dua belas tahun perlulah berlalu terlebih dahulu sebelum seseorang yang hilang boleh dianggap telah meninggal dunia. Dalam kalangan penganut Islam, mazhab Hanafi memperuntukkan sembilan puluh tahun perlulah berlalu dari tarikh kelahiran orang yang hilang itu sebelum dia boleh dianggap telah meninggal dunia. Mazhab Maliki pula berpendapat bahawa jika seseorang yang hilang itu sudah tidak didengari khabar beritanya selama empat tahun, dia sudah boleh dianggap meninggal dunia. Dalam kalangan penganut Syiah pula menetapkan tempoh sepuluh tahun manakala mazhab Syafi'i tujuh tahun. Walau bagaimanapun, peraturan yang terkandung dalam seksyen-seksyen ini adalah peraturan keterangan sahaja yang terpakai ke atas penganut Hindu dan Islam.

Secara ringkasnya, mazhab Hanafi meletakkan jangka hidup manusia selama 90 tahun dan anggapan kematian seseorang *al-mafqud* adalah apabila telah berlalu 90 tahun sejak kelahirannya. Mazhab Syafii menetapkan tempoh tujuh tahun (sama seperti peruntukan undang-undang sivil) manakala penganut Syi'ah berpegang kepada tempoh 10 tahun sebagai tempoh yang perlu ditunggu untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*.

Perlu disebut juga di sini bahawa konsep anggapan kematian yang diterima pakai oleh Mazhab Syafi'i berdasarkan kaedah *istishab*, iaitu mengekalkan suatu hukum berasaskan hukum sedia ada selagi tidak ada dalil yang mengubahnya. Oleh itu, berdasarkan kaedah *istishab*, undang-undang syariah akan menganggap orang yang hilang masih hidup sehingga ada bukti yang menunjukkan sebaliknya.<sup>15</sup> Disebabkan itulah harta *al-mafqud* tidak boleh dibahagikan secara pusaka sehingga suatu tempoh masa tertentu dan hanya mahkamah yang boleh memutuskan tentang status sebenar bahawa *al-mafqud* itu telah meninggal dunia.

Berdasarkan perbezaan pendapat fuqaha ini kita dapat merumuskan bahawa tidak ada satu piawaian tertentu yang diterima pakai oleh semua pihak untuk tempoh yang diperlukan bagi membentuk anggapan kematian *al-mafqud*.

Terdapat satu kes yang dilaporkan di mahkamah syariah mengenai isu anggapan kematian *al-mafqud*. Dalam kes *In the Matter of the Presumption of Death of Talib Saari; ex p Kelthom Mohd Amin*<sup>16</sup> ('Talib Saari'), Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu telah menerima satu permohonan daripada Puan Kelthom Mohd Amin agar Mahkamah Tinggi Syariah mengisytiharkan bahawa suaminya, Talib bin Saari merupakan seorang *al-mafqud* yang telah

15 Jasni Sulong, "Kedudukan Mazhab Syafii dalam Amalan Pembahagian Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia" dlm. *Jurnal Syariah* Jil. 16, Bil. 1 (2008) 163 – 183, hlm. 166

16 [2010] 1 *CLJ* (Syia) 493

pun meninggal dunia. Menurut fakta kes, pemohon telah mendakwa bahawa beliau telah berkahwin dengan *al-mafqud* pada tahun 1967. Hasil daripada perkahwinan tersebut mereka telah dikurniai tiga orang anak. Pada tahun 1972, *al-mafqud* dikatakan telah keluar dari rumah kelamin untuk bekerja di Hospital Kuala Terengganu sebagai tukang masak. Alamat terakhir *al-mafqud* pula kekal dan tidak pernah berubah sejak 1972 setelah semakan dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara pada 28 Jun 2000.

Setelah meneliti fakta kes, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pada waktu itu, Dato' Hj. Ismail Yahya telah memutuskan bahawa Talib bin Saari telah meninggal dunia, berdasarkan "*telah berlalunya suatu tempoh yang lama ke atas al-mafqud dari tarikh ianya dilahirkan, yang mana tempoh itu adalah memungkin orang sebayanya telah meninggal dunia*". Yang Arif Hakim membuat kesimpulan jika *al-mafqud* itu masih lagi hidup di tahun 2004, beliau sudah pun berumur 73 atau 74 tahun dan lazimnya pada waktu umur sebegitu, seseorang telah meninggal dunia.

Satu isu yang boleh diutarakan di sini ialah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah berkemungkinan telah terlepas pandang mengenai peruntukan seksyen 80, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 (Enakmen 6/2001) yang mempunyai peruntukan serupa dengan seksyen 80 Akta 561. Tiada sebarang rujukan dibuat kepada seksyen 80, Enakmen 6/2001 dan Yang Arif Hakim memutuskan *al-mafqud* telah meninggal dunia berdasarkan "*telah berlalunya suatu tempoh yang lama ke atas al-mafqud dari tarikh ianya dilahirkan, yang mana tempoh itu adalah memungkin orang sebayanya telah meninggal dunia*"<sup>17</sup>. Sewajarnya jika peruntukan seksyen 80 diguna pakai, Yang Arif Hakim akan memutuskan bahawa 32 tahun telah berlalu sejak *al-mafqud* menghilangkan diri dan ini melebihi tempoh empat tahun sebagaimana yang telah ditetapkan oleh seksyen 80. Pertimbangan ini penting kerana jika kita andaikan pemohon membuat permohonan pada tahun 1982, ini bermakna 10 tahun telah berlalu sejak kehilangan *al-mafqud* tetapi *al-mafqud* pada tahun 1982 baru berusia sekitar 42 tahun. Jika kaedah Yang Arif Hakim diterima pakai ("*telah berlalunya suatu tempoh yang lama ke atas al-mafqud dari tarikh ianya dilahirkan, yang mana tempoh itu adalah memungkin orang sebayanya telah meninggal dunia*"), maka pada tahun 1982, *al-mafqud* masih belum boleh dianggap mati kerana pada umur 42 tahun, secara lazimnya seseorang manusia itu masih lagi hidup. Sebaliknya, Jika peruntukan seksyen 80 diguna pakai, *al-mafqud* sudah boleh dianggap mati kerana kehilangannya sudah melebihi tempoh empat tahun.

Seperkara lagi, Yang Arif Hakim membuat kesimpulan bahawa memandangkan "*al-mafqud* sudah pun berumur 73 atau 74 tahun pada tahun 2004, lazimnya di waktu umur sebegitu, seseorang telah pun

17 [2010] 1 CLJ (Sya)524



meninggal dunia”. Kesimpulan mudah sebegini berkemungkinan tidak tepat sepenuhnya kerana jangka hayat seseorang tidak boleh ditentukan berdasarkan umurnya. Ada manusia yang berumur lebih daripada 73 atau 74 tahun yang masih lagi hidup dan ada pula yang baru berumur 40 tahun tetapi sudah meninggal dunia. Jika umur 73 atau 74 tahun boleh dianggap sudah meninggal dunia, apakah tanda aras umur yang perlu diletakkan untuk memisahkan antara orang yang masih hidup dengan orang yang sudah meninggal dunia? Adakah 65 tahun boleh dikira sudah meninggal dunia atau bagaimana?

Walaupun keputusan mahkamah dalam kes Talib Saari tidak memberi impak yang besar kerana akhirnya *al-mafqud* tetap diisytiharkan sudah meninggal dunia, namun alasan penghakiman yang dibuat sewajarnya perlu menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Oleh itu, lebih tepat dan jitu sekiranya sabitan kematian *al-mafqud* ditentukan berdasarkan peruntukan undang-undang Syariah, iaitu merujuk tempoh empat tahun seperti yang termaktub dalam Akta/Enakmen-Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri.

### **MAHKAMAH SIVIL ATAU MAHKAMAH SYARIAH?**

Walaupun terdapat perbezaan tempoh antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah, namun mahkamah, dalam kes Ridzwan Ibrahim, memutuskan bahawa seorang penganut Islam boleh memohon pengisytiharan kematian *al-mafqud* yang beragama Islam sama ada di mahkamah sivil atau pun mahkamah syariah. Secara ringkasnya, Yang Arif Hakim Heliliah Mohd Yusof berpendapat sedemikian kerana “campur tangan” mahkamah sivil tidak akan mengakibatkan ketidakadilan terhadap pemohon. Tambahan pula, tempoh tujuh tahun yang dikehendaki oleh mahkamah sivil adalah lebih lama daripada empat tahun yang dikehendaki oleh mahkamah syariah dan ini tidak menjadi masalah kerana *al-mafqud* dalam kes ini sememangnya telah hilang lebih daripada tujuh tahun.<sup>18</sup> Sekiranya waris enggan menunggu selama tujuh tahun untuk memohon pengisytiharan mahkamah sivil, mereka bolehlah menunggu untuk tempoh yang lebih singkat, iaitu empat tahun untuk memohon pengisytiharan mahkamah syariah.

Namun begitu, timbul pula persoalan bagaimana jika *al-mafqud* telah hilang selama lima atau enam tahun? Sudah tentu pemohon yang berkepentingan akan ke mahkamah syariah untuk memohon pengisytiharan anggapan kematian *al-mafqud*. Jika pengisytiharan itu diberikan oleh mahkamah syariah, adakah pengisytiharan itu boleh dicabar oleh pihak lain di mahkamah sivil kerana peruntukan undang-undang sivil memperuntukkan tempoh tujuh tahun untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*?

18 Supra., no. 13, hlm. 516

Situasi sebegini boleh menimbulkan suasana yang tidak konsisten pada masa akan datang.

Dari sudut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 121 (1A) telah menyatakan dengan jelas bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai kuasa terhadap perkara yang jatuh di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Perkara yang termasuk dalam bidang kuasa mahkamah syariah dirujuk pada Senarai Kedua (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Senarai Kedua antara lain menyebut bahawa hal ehwal pengurusan mahkamah syariah, undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam jatuh di bawah bidang kuasa negeri. Memandangkan status *al-mafqud* yang beragama Islam berkait dengan undang-undang diri (*personal law*), khususnya melibatkan soal perkahwinan dan pembahagian harta pusaka, maka sudah jelas bahawa mahkamah syariah sahaja yang mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk memutuskan isu anggapan kematian *al-mafqud*.

Satu isu yang wajar diberi perhatian di sini ialah seksyen 53(1), Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) telah memperuntukkan bahawa mahkamah syariah mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan anggapan kematian suami hilang di bawah seksyen 53(1) yang terpakai khusus untuk kes bagi maksud membolehkan isteri *al-mafqud* itu berkahwin semula. Seksyen 53(3) Akta 303 kemudiannya menjelaskan bahawa isteri *al-mafqud* itu tidak berhak berkahwin semula tanpa perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 53(1) walaupun mahkamah tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati (penekanan oleh penulis). Maksudnya, undang-undang negeri telah mengambil kira kemungkinan bahawa mahkamah sivil telah pun mengisytiharkan bahawa *al-mafqud* itu telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, perakuan mahkamah sivil itu tidak terpakai untuk tujuan membolehkan isteri *al-mafqud* berkahwin semula dan hanya mahkamah syariah sahaja yang berkuasa memberi perakuan anggapan kematian itu. Secara tidak langsung undang-undang negeri mengakui bahawa terdapat pertindihan kuasa antara mahkamah sivil dengan mahkamah syariah apabila timbul isu perakuan anggapan kematian *al-mafqud*.

## KESERAGAMAN DIPERLUKAN

Kita perlu menghargai bahawa tempoh empat tahun atau tujuh tahun ini menurut undang-undang syariah merupakan satu ijihad daripada para fuqaha dan kita tidak sepatutnya menganggap tempoh ini statik dan tidak boleh diubah. Dicadangkan supaya undang-undang sivil diseragamkan dengan undang-undang syariah agar satu piawaian yang sama dapat digunakan oleh kedua-dua mahkamah ini. Oleh itu, seksyen 108 Akta 56 perlu dipinda oleh

Parlimen agar tempoh tujuh tahun ditukar dan disingkatkan menjadi empat tahun, selaras dengan peruntukan undang-undang Syariah. Sementara pula tempoh tujuh tahun bukanlah dipilih berasaskan apa-apa duluan, panduan atau kaedah tertentu tetapi lebih kepada kesesuaian pihak penggubal undang-undang pada waktu silam.

Perlu disebutkan juga di sini bahawa dalam dunia yang serba canggih ini, tugas untuk mengesan seseorang yang hilang tidaklah begitu sukar berbanding puluhan dan ratusan tahun dahulu. Kecanggihan teknologi telah banyak membantu pihak berkuasa dalam tugas mereka mengesan orang yang hilang. Pada zaman sekarang, jika seseorang itu hilang selama setahun pun sudah boleh dikira begitu lama dan adalah sukar bagi orang ramai untuk meletakkan harapan bahawa *al-mafqud* itu masih hidup. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, wajar jika tempoh empat tahun ini dikekalkan sebagai tempoh untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*.

## KESIMPULAN

Berdasarkan peruntukan perundangan dan kes yang telah diputuskan sebelum ini, dapatlah dirumuskan bahawa status anggapan kematian *al-mafqud* di Malaysia adalah jelas di sisi undang-undang sivil mahu pun syariah. Dalam kes melibatkan pembahagian harta pusaka *al-mafqud*, waris *al-mafqud* boleh memohon pengisytiharan anggapan kematian *al-mafqud* sama ada di mahkamah sivil atau pun mahkamah syariah. Namun begitu, keadaan ini terdedah kepada potensi konflik bidang kuasa antara kedua-dua mahkamah pada masa akan datang. Oleh itu, adalah wajar proses mengharmonikan undang-undang sivil dan syariah diteruskan dengan menyelaraskan tempoh masa yang diperlukan oleh mahkamah bagi membentuk anggapan kematian *al-mafqud*. Memandangkan tempoh masa yang ditetapkan ini bukanlah berasaskan pertimbangan tertentu sebaliknya merupakan satu ijtihad atau budi bicara penggubal undang-undang sahaja, maka adalah lebih mudah tempoh masa ini diselaraskan kerana agar dapat mengelakkan berlakunya komplikasi yang berat dari segi konflik undang-undang.

## RUJUKAN

Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

Akta Keterangan India 1872.

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561).

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).

“RM66 bilion tidak dituntut” dlm. *Utusan Malaysia*, 11 September 2013, hlm. 15

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Johor) 2001.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002 .

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

In Re Application of Tay Soon Pang; Ex P [2009] 9 *CLJ* 778

In the Matter of Presumption of Death of Talib Saari; ex p Kelthom Mohd Amin [2010] 1 *CLJ* (Sya) 493

[http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130115/dn\\_17/JKSM-halusi-kaedah-kendali-harta-al-Mafqud](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130115/dn_17/JKSM-halusi-kaedah-kendali-harta-al-Mafqud), (Capaian pada 25 Februari 2014).

Jasni Sulong, “Kedudukan Mazhab Syafi‘i dalam Amalan Pembahagian Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia” dlm. *Jurnal Syariah* 16 (1), hlm. 163 – 83, 2008.

*Kamus Undang-Undang*, 1995. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.

Mustaffa al-Khan *et al.*, 2005. *Al-Fiqh al-Manhaji*. Jilid 2. Damsyik: Percetakan Darul Qalam

Re Ex Parte Application of Ridzwan Ibrahim (Presumption of Death) [2002] 4 *CLJ* 502.

Wahbah al-Zuhaili, 1996. *Fiqh & Perundangan Islam*. Jilid 5. Diterjemah oleh Ahmad Shahbari Salamon *et. al.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Noraini Mohd Salim, 2012. *Islamic Law of Succession: A Practical Guide to the Laws of Faraid*. Ampang: The Malaysian Current Law Journal Sdn Bhd.